

1978

BALING, 25 FEB. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGAKAN HARI INI KERJASAMA ANTARA BARISAN NASIONAL DAN BERJASA DI KELANTAN ADALAH BERTUJUAN UNTUK MENGEKALKAN PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU NEGERI ITU.

KATANYA, KERJASAMA TERSEBUT ADALAH MENYELURUH DEMI PERPADUAN RAKYAT SERTA KEDAIFAN DAN PEMBANGUNAN NEGERI KELANTAN.

+KITA TIDAK MAHU MELIHAT ORANG-ORANG MELAYU YANG TELAH BERPECAH DUA ITU TERUS BERPECAH MENJADI TIGA GOLONGAN AKIBAT PERSENGKITAAN ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG MEMBAWA KEPADA PENUBUHAN BERJASA, + KATANYA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS DISKUSI POLITIK UMNO BAHAGIAN-BAHAGIAN BALING, PADANG SERAI DAN KULIM/BANDAP BAHRU DI SEKOLAH KEBANGSAAN KUPANG, TUJUH BATU DARI SINI.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA UMNO MENYOKONG DATUK MOHAMED NASIR KERANA BARISAN NASIONAL TIDAK BERMUSUH DENGANNYA.

SEBARANG PERMUSUHAN ANTARA UMNO DAN BERJASA HANYA AKAN MEMBAWA KEHANCURAN KEPADA PERPADUAN RAKYAT KELANTAN, TAMBAH DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO.

BELIAU MENOLAK DAKWAAN BAHAWA KERJASAMA ANTARA BARISAN NASIONAL DAN BERJASA ADALAH SEMATA-MATA UNTUK MEMPASTIKAN KEMENANGAN CALUN-CALUN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA NEGERI KELANTAN PADA 11 MAC INI. — BERSAMBUNG 1910/A1

EE

B6201

MAHATHIR 2 BALING

KATANYA, BARISAN NASIONAL TETAP AKAN BEKERJASAMA DENGAN BERJASA UNTUK MENBUNKAN KERAJAAN CAMPURAN DI KELANTAN WALAUPUN UMNO MENDAPAT MAJORITI TERBESAR DALAM PILIHANRAYA ITU NANTI.

+UMNO TIDAK MELAKUKAN KUASA, + TEGASNYA, +TETAPI KITA JUGA TIDAK MAHU MELIHAT TERTUBUHNYA SEBUAH KERAJAAN YANG SANGGUP MENGADAKAN TIGA BUKU DARIPADA NEGERI KELANTAN KEPADA ORANG ASING. +

BELIAU HARAP PERPECAHAN PERPADUAN DIKALANGAN ORANG-ORANG MELAYU DI KELANTAN TIDAK AKAN BERJANGKIT KE NEGERI KEDAH. 130

KATANYA, ORANG-ORANG YANG TIDAK SETUJU DENGAN TINDAK-TANDUK PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS HENDAKLAH MENYOKONG UMNO DEMI PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU DAN JUGA AGAMA ISLAM.

BELIAU MENAMBAH, +KITA TIDAK PERNAH BERMUSUH DENGAN AHLI-AHLI PAS KERANA KITA TAU MEREKA TERPAKSA MENGIKUT ARAHAN DARIPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA YANG TIDAK JUJUR DAN BERJUANG SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN DIRI MEREKA SAHAJA. +

MENDURUTNYA, PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG JUJUR DAN BENAR-BENAR BERJUANG UNTUK BANGSA DAN AGAMA TELAH PUN KELUAR DARI PARTI ITU DAN MASUK MENJADI AHLI BERJASA KERANA MEREKA TELAH SEDAR TENTANG TINDAK-TANDUK PEMIMPIN-PEMIMPIN LAIN.

KATANYA, PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG MENGAKU DIRI MEREKA SEBAGAI PEJUANG ISLAM HANYA MENGGUNAKAN AGAMA ISLAM UNTUK MEMECAH-BELAHKAN PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU DAN UMAT ISLAM SAHAJA DEMI KEPENTINGAN DIRI MEREKA SENDIRI. — BERSAMBUNG 1924/A1

+INI JELAS DENGAN TERSINGKIRNYA RAMAI PEMIMPIN PAS YANG KITA KATA TIDAK BOLEH DITERIMA OLEH RAKYAT NEGERI KELANTAN, TERMASUK DATUK MOHAMED ASRI, DARIPADA DICALUN SEMULA UNTUK BERTANDING DALAM PILIHANRAYA NEGERI ITU PADA BULAN DEPAN. +

KATANYA, RAKYAT TELAH SEDAR BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG MENDUKUNG KERAJAAN NEGERI KELANTAN SEJAK BEBERAPA LAMA DULU HANYA BERJUANG UNTUK KEPENTINGAN MEREKA SAHAJA BUKAN UNTUK RAKYAT DAN NEGERI.

INILAH YANG MENYEBABKAN KELANTAN MENJADI SEBUAH NEGERI YANG PALIN MUNDUR SEKALI DI NEGARA INI, TAMBAHNYA.

BELIAU MENEGAKAN KEADAAN ITU HANYA DAPAT DIPERBAIKI SEKIRANYA BARISAN NASIONAL MENGUASAI SEMULA PEMERINTAHAN NEGERI KELANTAN.